

IMPAK KONOTASI BUDAYA TERHADAP LEKSIS: SATU KAJIAN SEMANTIK BERASASKAN KORPUS KE ATAS PERKATAAN PEREMPUAN DAN WANITA

Hajar Abdul Rahim

Abstrak

Penggunaan bahasa yang berulang-ulang membentuk gugusan makna yang menggambarkan makna tipikal atau lazim, yang terdapat pada butir-butir leksis atau ekspresi bahasa. Dalam erti kata lain, ini ialah makna yang sentiasa diekspresikan oleh penutur dalam penggunaan bahasa. Makna yang diwarisi akibat penggunaan berulang-ulang menimbulkan konotasi budaya yang dapat mencerminkan realiti sosial penutur. Oleh hal yang demikian, kajian terhadap leksis yang berulang-ulang penting dalam kajian bahasa dan ideologi, dan boleh memberikan bukti empirikal tentang cara budaya boleh terkod dalam leksis. Makalah ini membincangkan satu kajian yang menganalisis konotasi budaya perkataan perempuan dan wanita dengan meneliti wacana, yakni nahu berulang-ulang yang terdapat pada kedua-dua perkataan tersebut. Perkataan perempuan dan wanita merupakan kata kunci penting bahasa Melayu yang sinonim pada tahap denotasi tetapi dianggap mempunyai reputasi yang berbeza disebabkan konotasi yang diwarisi. Kajian ini menggunakan bukti empirikal untuk menyiasat hal ini dengan meneliti prosodi semantik dan konotasi budaya yang diwarisi oleh perkataan tersebut. Ini dicapai melalui satu analisis kolokasi berdasarkan korpus berkomputer terhadap wacana kedua-dua perkataan. Makalah ini melaporkan analisis tersebut dan meneliti nuansa dan konotasi budaya yang terdapat pada kedua-dua perkataan dan berusaha menghubungkan dapatan kajian dengan dunia sebenar, iaitu perubahan sosial dan budaya penutur.

Abstract

The use of repeated phrases and conventional ways of talking form a constellation of meanings that reflects the typical meanings that lexical

forms or expressions have. In other words, they reflect meanings that are repeatedly expressed in a discourse community. Meanings that words inherit due to recurrent occurrence are cultural connotations that can reflect the social reality of the community. As such, the analysis of recurrent wordings is of central importance in the study of language and ideology, and can provide empirical evidence of how the culture is encoded in lexis. This article reports on a study of the cultural connotations of “perempuan” and “wanita” by analysing the discourse, that is the vocabulary employed whenever the words are used. The two words are considered important cultural keywords in the Malay language. They have similar denotations but seen to possess different reputation due to the connotations that are inherited. The study used empirical evidence to investigate this by examining the semantic prosody and the cultural connotations of both words. This was achieved by employing a computerised corpus-based collocational analysis of the words. This article reports on the analysis that was carried out and discusses the nuances that are found in both words due to usage, and attempts to link the findings to the social and cultural changes that have taken place.

PENDAHULUAN

Konotasi budaya yang terdapat pada sesuatu perkataan, yakni konotasi tipikal sesebuah masyarakat terhadap perkataan tersebut, mempengaruhi reputasi perkataan itu. Konotasi seperti ini dapat dilihat daripada pola wacana, iaitu perkataan dan frasa yang sentiasa digunakan dalam dunia sosial,¹ yang membentuk makna yang berulang-ulang (Stubbs, 1996). Dalam erti lain, makna perkataan dalam sesuatu bahasa dipengaruhi oleh konotasi budaya yang dominan yang mencerminkan realiti sosial penutur bahasa tersebut. Oleh yang demikian, kajian terhadap ekspresi bahasa yang berulang-ulang merupakan satu metodologi yang penting dalam kajian bahasa yang boleh menyediakan bukti empirikal tentang cara budaya terkod dalam leksis.

Salah satu aspek bahasa yang dianalisis ahli linguis dalam mengkaji cara budaya terkod dalam leksis ialah “kata kunci budaya”. Istilah ini

1 Menurut Stubbs (1996), ini bermakna bahawa pola bahasa di tahap nahu dan tatabahasa, boleh menjadi sumber untuk mengkaji nilai sosial dan pandangan tentang dunia. Ini merupakan erti wacana seperti mana yang diajukan oleh Foucault (1980). Pola wacana seperti ini, memperlihatkan makna yang sentiasa digunakan dalam sesebuah komuniti, yang memberikan gambaran yang konvensional dan biasa tentang manusia dan peristiwa.

diterjemahkan daripada konsep bahasa Inggeris *cultural keywords* yang dicadangkan oleh Williams (1976), dan yang pernah dirujuk oleh Firth (1957) sebagai perkataan fokus (*focal*) dan tunjang (*pivotal*). Kata kunci merupakan leksis penting yang tergolong dalam kumpulan yang berkaitan dengan masyarakat, termasuk individu, keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, konotasi budaya yang terdapat pada kata kunci bahasa dapat membayangkan realiti penggunaan bahasa yang boleh memperlihatkan dunia sebenar.

Sehubungan dengan perkara yang dikemukakan di atas, kertas kerja ini berusaha meneliti konotasi budaya yang terdapat pada dua kata kunci dalam bahasa Melayu Malaysia, iaitu *perempuan* dan *wanita* dan membincangkan impak konotasi tersebut ke atas prosodi semantik kedua-dua perkataan yang seterusnya akan membayangkan reputasi yang telah diwarisi. Bagi mencapai objektif ini, satu kajian berdasarkan analisis korpus berkomputer ke atas wacana kedua-dua perkataan tersebut dijalankan. Data daripada analisis tersebut merupakan asas kepada isu konotasi budaya yang terdapat pada perkataan perempuan dan wanita yang dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Perbincangan seterusnya mengupas konsep kolokasi, iaitu analisis semantik utama yang digunakan dalam analisis kajian. Ini diikuti dengan perbincangan tentang metodologi korpus berkomputer yang digunakan, dan tinjauan terhadap kajian-kajian yang berkaitan dengan leksis dan budaya.

Makna dan Kolokasi

Dalam membincangkan makna perkataan, Leech (1981) mencadangkan tujuh jenis makna. Salah satu daripadanya ialah makna kolokasi, yakni makna sesuatu perkataan yang timbul daripada perkongsian (*word partnership*)² dengan perkataan lain. Fenomena makna ini telah terlebih dahulu diajukan oleh Firth (1935). Prinsip utama makna kolokasi ialah makna sepenuhnya sesuatu perkataan itu adalah kontekstual. Analisis makna dalam konteks yang dipelopori oleh Firth lebih tiga suku abad yang lalu, menurut Stubbs, ialah analisis semantik yang empirikal berdasarkan teks yang melibatkan kaedah formal dalam mengkaji taburan perkataan. Kaedah yang

2 Pertama kali penulis ini melihat penggunaan *word partnership* untuk merujuk kepada kolokasi adalah oleh Randolph Quirk dalam prakata beliau di dalam *The Longman Dictionary of Contemporary English* (Biber et al., 2002). Walau bagaimanapun, penulis tidak pasti, sama ada istilah tersebut pernah digunakan oleh ahli bahasa yang lain sebelum itu.

dicadangkan termasuk analisis yang dinamakan **kolokasi** (daripada istilah bahasa Inggerisnya, *collocation*). Sebagai satu analisis, kolokasi merujuk kepada keadaan apabila terdapat dua (atau lebih) perkataan yang bebas, yang biasanya berlaku bersama-sama atau **hadir serentak**³ (Biber *et al.*, 2002:18). Isu **kehadiran serentak** bererti istilah kolokasi digunakan untuk memerikan kumpulan perkataan yang muncul berulang kali dalam bahasa (Stubbs, 1996; Carter, 1998). Pola kehadiran serentak sesuatu ekspresi bahasa boleh disebabkan oleh keperluan sintaksis dan mungkin juga leksikal. Pola leksikal terjadi kerana dalam sesuatu persekitaran linguistik, perkataan-perkataan tertentu akan wujud secara serentak. Perhatikan, umpamanya frasa *orang ramai*. Salah satu kolokasi bagi perkataan orang ialah *ramai* dan begitu juga bagi *ramai*, satu daripada kolokasinya ialah *orang*. Menurut Stubbs (1996:174), kaedah ini yang dimajukan oleh Firth tidak menganggap makna sebagai satu fenomena mental sahaja tetapi makna dianalisis secara taburan berdasarkan bukti textual yang objektif dan terlihat (*observable*).

Kolokasi dan Korpus

Analisis kolokasi penting dalam berbagai-bagai bidang linguistik dan penggabungan analisis berbentuk sebegini dengan pendekatan berasaskan korpus berkomputer menjadikan penyelidikan linguistik lebih dinamik (McEnery, 1996). Sesetengah linguis bersetuju bahawa kepentingan korpus dalam bahasa sejajar dengan kepentingan data empirikal amnya. Ini kerana data empirikal membolehkan ahli bahasa membuat kenyataan yang objektif dan berasaskan bahasa sebenarnya, bukan kenyataan yang subjektif berasaskan persepsi kognitif seseorang individu itu (McEnery, 1996:87). Widdowson (2000:6) menegaskan bahawa analisis teks kuantitatif berasaskan komputer memperlihatkan fakta tentang perilaku bahasa yang sebenarnya yang tidak mudah diperoleh secara intuisi. Ini kerana analisis korpus mendedahkan fakta-fakta textual dan profil-profil yang menarik tentang penggunaan bahasa. Bukti kekerapan sesuatu kolokasi itu sendiri merupakan fakta penting yang boleh didapati daripada korpus.

3 Perlu dijelaskan bahawa kolokasi bukan sahaja merujuk kepada kehadiran serentak sebelah-menyebelah. Seperti yang dicadangkan oleh Sinclair (1991), kolokasi merujuk kepada keadaan munculnya dua atau lebih perkataan dalam jarak yang dekat antara satu sama lain dalam satu teks. Istilah **jarak dekat** antara satu perkataan dengan kolokasinya, menurut Sinclair (1991:170), merujuk kepada keadaan apabila terdapat empat perkataan (paling maksimum) antara kedua-duanya.

Analisis kolokasi biasanya berasaskan garis konkordans perkataan atau butir bahasa yang dikaji. Menurut Barnbrook (1996:87), tumpuan dalam analisis kolokasi, biasanya adalah terhadap hakikat sejauh mana pola sebenar perkataan yang dianalisis itu berlainan daripada pola yang dijangka. Barnbrook juga menegaskan bahawa konkordans ialah satu teknik kualitatif yang boleh digunakan untuk menilai perlakuan perkataan dalam konteks sesebuah korpus. Penggunaan konkordans sering menerbitkan maklumat tentang bahasa yang tidak dijangka, dan kerap kali, memperlihatkan realiti tentang penggunaan bahasa yang mungkin tidak terlihat sekiranya kita menggunakan metodologi linguistik konvensional atau biasa (Widdowson, 2000). Realiti tentang penggunaan sesuatu bahasa itu biasanya mencerminkan realiti sosial penutur bahasa tersebut. Untuk menjelaskan hal ini, perbincangan ini merujuk kepada analisis yang dibuat oleh Stubbs terhadap teks yang ditulis oleh Baden-Powell, pengasas *Boy Scouts Association* (Persatuan Pengakap).

Stubbs menjalankan analisis perbandingan antara dua teks yang ditulis oleh Baden-Powell. Satu teks merupakan pesanan akhir Baden-Powell untuk kumpulan *Girl Guides* (Pandu Puteri), manakala satu teks lagi ialah pesanan akhir beliau untuk *Boy Scouts* (Pasukan Pengakap). Tujuan utama Stubbs (1996:82) menjalankan analisis tersebut adalah untuk menunjukkan bagaimana ideologi seseorang itu boleh dikaji melalui pola kosa kata dan nahu. Stubbs (1996) telah menganalisis penggunaan perkataan *happy* dan variasinya, iaitu *happiness* dalam kedua-dua teks tersebut. Analisis Stubbs menunjukkan perbezaan yang agak ketara dari segi penggunaan perkataan *happy* dan variasinya antara kedua-dua teks (sila lihat Lampiran untuk petikan konkordans bagi kedua-dua teks).

Menurut Stubbs, penggunaan perkataan *happy* oleh Baden-Powell bukan merupakan sesuatu yang istimewa, yakni tiada bentuk leksikal atau struktur nahu yang aneh. Walau bagaimanapun, cara penulis itu memilih untuk menggunakan perkataan tersebut menerbitkan pola yang berbeza. Di dalam teks *Girl Guides*, *happy/happiness* berlaku lebih kerap dengan leksis seperti *make* (membuat), *bring* (membawa) dan *give out* (memberi). Di dalam teks *Boy Scouts* pula, perkataan seperti *life* (kehidupan), *live* (hidup) atau *die* (mati) merupakan kolokasi yang lebih kerap. Kolokasi yang berlainan ini mencadangkan bahawa Baden-Powell mempunyai formula yang berlainan tentang cara untuk mencapai kebahagiaan bagi kedua-dua kumpulan gender, yakni kaum perempuan mengecapi kebahagiaan dengan memberi dan kaum lelaki pula mengecapi kebahagiaan dengan memilih dan menjalankan kehidupan yang bahagia.

Ini mungkin dianggap seksis oleh masyarakat sekarang. Walau bagaimanapun, adakah ini bermakna Baden-Powell seorang yang seksis atau prejudis terhadap kaum wanita? Sama ada Baden-Powell seorang yang seksis atau sebaliknya tidak menjadi hal di sini. Yang menarik dan relevan ialah cara analisis di atas menggambarkan sesuatu yang penting tentang Baden-Powell, iaitu ideologinya tentang gender. Penerimaan masyarakat pada masa itu terhadap kedua-dua teks tersebut pula bermakna ideologi Baden-Powell mencerminkan ideologi masyarakat tentang peranan gender pada era tersebut. Realiti sosial seperti ini merupakan satu contoh betapa pentingnya penggunaan korpus dan analisis bahasa seperti kolokasi sebagai kaedah dan alat untuk menterjemahkan isu sosial yang makro melalui isu bahasa yang boleh dikira mikro.

Selain dapat memperlihatkan jalinan bahasa dan dunia sebenar, analisis seperti yang dijalankan oleh Stubbs merupakan kaedah penting dalam kajian makna. Dari segi makna *happy*, Stubbs (1996) membuat kesimpulan bahawa perkataan *happy* tidak mempunyai satu makna tetap yang stabil dan menegaskan bahawa semua perkataan sentiasa berhadapan dengan penggunaan baharu lalu menjadikan makna mudah lentur.⁴

Kolokasi dan Prosodi Semantik

Prosodi semantik, daripada istilah bahasa Inggerisnya *semantic prosody*, merupakan satu fenomena kolokasi yang dikenal pasti oleh Sinclair (1991) dan Louw (1993). Dalam pengertian Firth, **prosodi** ialah makna yang dipanjangkan ke atas beberapa perkataan. Ini bermakna bahawa prosodi makna atau prosodi semantik sesuatu ekspresi bergantung pada perkataan yang bergabung, berdekatan atau berkolokasi dengan ekspresi tersebut.


Sesuatu butir bahasa itu boleh mempunyai prosodi yang positif atau negatif berdasarkan suasana berkolokasi atau perkongsian perkataan. Dalam analisis ke atas perkataan *cause* dan *provide*, Stubbs (1995) mendapati bahawa *cause* (menyebabkan) mempunyai prosodi semantik yang negatif manakala *provide* (memberi/menyediakan) mempunyai prosodi semantik yang positif. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan analisis kolokasi menggunakan korpus Cobuild yang mempunyai 120 juta perkataan. Stubbs men-

4 Kesimpulan Stubbs yang semua perkataan tidak mempunyai makna yang stabil mungkin agak keterlaluan dari perspektif semantik. Dalam semantik, setiap perkataan itu mempunyai sekurang-kurangnya satu erti/makna (*sense*) yang wujud atau sedia ada (*inherent*).

dapati perkataan *cause* jarang kali mempunyai kolokasi yang positif kerana kolokasi bagi perkataan tersebut kebanyakannya kurang menyenangkan seperti *accident*, *concern*, *damage*, *death* dan *trouble*. Manakala perkataan *provide* pula secara amnya mempunyai kolokasi yang positif disebabkan kebanyakannya objek kata nama perkataan tersebut seperti *aid*, *assistance*, *care*, *employment facilities*, *food*, *funds*, *jobs*, *money* dan lain-lain tidak berkaitan dengan hal yang negatif. Contoh yang dikaji oleh Stubbs merupakan butir bahasa yang prosodi semantiknya jelas, sama ada yang positif atau yang negatif. Namun, terdapat juga banyak perkataan yang mempunyai prosodi semantik yang neutral.

Perbincangan di atas membawa kita kepada isu konotasi yang diwarisi oleh sesuatu perkataan yang disebabkan kolokasinya. Konotasi ialah makna yang terdapat pada sesuatu perkataan yang melewati makna denotasi (Jackson, 1988:58; Jackson & Zé Amvela, 2000). Perhatikan umpamanya perkataan *suria* yang sama dengan *matahari* di tahap denotasi tetapi mempunyai konotasi yang berlainan disebabkan corak berklokasi yang lebih ketara dalam teks genre kesusasteraan seperti sajak, lagu, dan novel berbanding dengan perkataan *matahari*. Maka makna perkongsian atau kolokasi ini mencetuskan konotasi *romantik*, umpamanya pada perkataan *suria* yang kurang terdapat pada perkataan *matahari*. Contoh ini membawa perbincangan ini kepada konotasi yang dominan yang terdapat pada sesuatu perkataan itu.

Konotasi yang dominan yang timbul disebabkan oleh kolokasi merupakan elemen penting yang mempengaruhi penggunaan bahasa. Salah satu contoh yang menarik yang boleh menggambarkan fenomena ini ialah penggunaan perkataan bahasa Inggeris *terror* oleh penutur di Malaysia. Apabila penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama menggunakan perkataan tersebut dalam ayat “*He is a terror*”, ini bermakna bahawa orang yang dirujuk ialah seorang yang dahsyat, yakni menakutkan. Walau bagaimanapun, perkataan yang sama, apabila digunakan oleh penutur Malaysia seperti ayat, “*He is so terror*” atau “*Dia tu terror betul*”, biasanya bermaksud *hebat* atau *mengagumkan*. Makna ini timbul disebabkan rantai makna yang diwujudkan oleh penutur Malaysia antara perkataan *terror* dan terjemahannya yang literal, iaitu *dahsyat*. Di tahap denotasi, perkataan *dahsyat* merujuk kepada sesuatu yang negatif seperti perkataan *terror*. Akan tetapi, dari segi penggunaan pula, didapati bahawa *dahsyat* biasa juga digunakan oleh penutur apabila merujuk kepada sesuatu yang hebat atau mengagumkan. Oleh yang demikian, rantai makna yang wujud dalam penggunaan perkataan *terror* oleh penutur Malaysia yang merujuk kepada hebat atau mengagumkan boleh digambarkan di dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1 Rantai makna perkataan *terror* dan *dahsyat* dalam penggunaan oleh penutur Malaysia.

Rajah ini menunjukkan perkaitan antara perkataan *terror* dengan *dahsyat* yang boleh dikira terjemahan literal yang sepadan. Perkataan *dahsyat*, sebagai terjemahan kepada perkataan *terror* seharusnya membawa maksud *menakutkan*. Walau bagaimanapun, *dahsyat* merupakan homonim, yakni butiran leksikal yang mempunyai lebih daripada satu makna. Makna *hebat* atau *mengagumkan* boleh dikatakan lebih dominan daripada erti *menakutkan* dalam penggunaannya oleh penutur Malaysia. Ini menyebabkan perkataan tersebut, dalam konteks penggunaannya oleh penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, selalunya membawa makna hebat atau mengagumkan. Lalu, perkataan *terror* yang asalnya mempunyai konotasi yang negatif sebab maknanya yang negatif telah bertukar kepada perkataan yang mempunyai konotasi yang positif disebabkan makna dominan yang mengambil alih makna denotasi.

Isu konotasi dan khususnya konotasi dominan diketengahkan kerana seperti yang dijelaskan di atas, makna ini timbul disebabkan perilaku kolokasi butir bahasa. Makna konotasi biasanya kurang stabil kerana banyak bergantung pada konteks, termasuk latar belakang sosiobudaya pengguna. Perbincangan seterusnya mengupas isu konotasi dan hubungannya dengan budaya yang terkod di dalam leksis. Kajian korpus yang dijalankan oleh Williams (1976) yang menganalisis prosodi semantik dan konotasi yang diwarisi melalui kolokasi merupakan rujukan utama untuk menjelaskan fenomena ini.

Mengekod Budaya dalam Leksis

Seperti yang diterangkan pada awal perbincangan, analisis ke atas konotasi budaya yang terdapat pada kata kunci sesuatu bahasa ialah pendekatan yang boleh memperlihatkan realiti penggunaan bahasa dan budaya. Williams (1976) dalam kajiannya ke atas kata kunci yang tergolong dalam kumpulan

pekerjaan, mendapati bahawa perkataan *work* dan lema yang berkaitan seperti *job*, *labour*, *carrier*, *employment* dan *unemployment* telah berkembang menurut sejarah daripada makna yang agak am kepada makna tertentu yang lebih terhad berdasarkan hubungan antara faktor sosial dengan ekonomi. Perkataan *labour*, umpamanya masih mengekalkan konotasi yang menyelubungi isu seperti tenaga buruh dan strata sosial rendah (Stubbs, 1996). Perkataan *career* pula mempunyai prosodi yang positif kerana perkongsiannya dengan kolokasi yang berkaitan dengan perkembangan diri dan pekerjaan yang diingini. Konotasi yang diwarisi oleh kedua-dua perkataan berbeza disebabkan reputasi yang diwarisi oleh perkataan melalui perilaku berkolokasi.

Selain pekerjaan, gender juga merupakan satu isu bahasa yang boleh mencerminkan budaya sesuatu komuniti. Sehubungan dengan ini, kajian terhadap bahasa seksis, yakni bahasa yang membayangkan kecenderungan atau “sikap berat sebelah terhadap sesuatu genus” (Roksana, 1998:913)⁵ telah mendapat perhatian para sarjana termasuk linguis yang mengkaji bahasa Melayu (lihat umpamanya Nethesan, 1990; Roksana, 1998). Secara amnya, kajian tentang bahasa seksis membuktikan bahawa kebanyakan bahasa tidak begitu neutral terhadap gender, malah terdapat kecenderungan negatif yang ketara terhadap kaum wanita dalam penggunaan bahasa. Contoh yang nyata termasuk *sundal* dan *jalang*. Perkataan pejorasi seperti ini biasanya merujuk kepada orang perempuan. Konotasi budaya yang timbul disebabkan keadaan ini mempunyai impak yang negatif terhadap perkataan perempuan. Kecenderungan negatif seperti ini juga ketara dalam penggunaan perkataan jantan dan *betina*. Di tahap semantik, kedua-dua perkataan hanya berbeza dari aspek gender. Namun dalam penggunaan bahasa, sering kali didapati jantan mewarisi konotasi yang lebih positif daripada *betina*. Ini dapat dilihat daripada kolokasi seperti *anak jantan* dan variasi perkataan tersebut seperti *kejantananan* yang tidak terdapat pada perkataan *betina*.

Sungguhpun bahasa seksis merupakan suatu fenomena bahasa yang menarik, ini sebenarnya bukan isu yang hendak diketengahkan di sini. Walau bagaimanapun, isu *bias* atau kecenderungan dalam bahasa yang dibangkitkan di atas berkaitan dengan perbincangan yang seterusnya. Tumpuan

5 Roksana (1998) dalam kajian beliau mendapati kewujudan unsur seksis dalam peribahasa Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa makna peribahasa yang mempunyai perkara yang berhubung kait dengan wanita kebanyakannya negatif dengan melambangkan atau membayangkan wanita sebagai benda yang tidak baik atau merendah-rendahkan martabat atau diri wanita.

perbincangan di bawah adalah tentang kecenderungan makna sesuatu perkataan yang timbul akibat kolokasi atau perkongsian makna perkataan tersebut dengan perkataan lain. Sehubungan dengan ini, analisis terhadap konotasi budaya kata kunci *perempuan* dan *wanita* yang dijalankan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya.

Analisis Perbandingan Prosodi Semantik *Perempuan* dan *Wanita*

Di tahap denotasi, secara amnya *perempuan* dan *wanita* dianggap sinonim. Ini dapat dilihat daripada peristilahan kedua-dua perkataan dalam kamus kontemporari. Dalam kamus *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997) umpamanya, makna utama bagi perkataan wanita ialah “bahasa halus untuk orang perempuan” dan makna utama bagi perkataan perempuan pula ialah “wanita, yakni lawan bagi laki-laki”. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-duanya dari segi konotasi yang diwarisi dan ini dijangka disebabkan oleh perilaku kolokasi kedua-dua perkataan tersebut. Ini merupakan titik tolak kepada kajian yang dijalankan yang bertujuan menjawab dua soalan yang berikut:

1. Apakah perbezaan perilaku kolokasi kedua-dua perkataan?
2. Adakah kedua-dua perkataan mempunyai prosodi semantik yang berbeza?

Dapatkan daripada analisis yang bertujuan menjawab soalan-soalan di atas akan memudahkan perbandingan prosodi semantik kedua-dua kata kunci yang dikaji dan perbincangan tentang impak konotasi budaya terhadap leksis.

Satu analisis berasaskan korpus bahasa telah dijalankan untuk menjawab soalan di atas. *Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka* yang merupakan korpus bahasa Melayu yang paling mantap yang terdapat pada masa ini, telah dijadikan sumber rujukan bagi data yang diperlukan. Korpus tersebut mempunyai beberapa subkorpus, termasuk surat khabar. Bagi tujuan analisis ini, subkorpus yang dijangka boleh memperkenan penggunaan kedua-dua perkataan secara am telah dipilih, iaitu subkorpus data akhbar *Berita Harian* tahun 2002 (diterbitkan oleh *New Straits Times Publication*).

Pendekatan *Keyword in Context* (KWIC) atau kata kunci dalam konteks digunakan dalam kajian ini. Pendekatan ini melibatkan penggunaan garis konkordans bagi kata kunci atau perkataan yang dikaji, iaitu perempuan dan wanita. Setiap garis konkordans yang digunakan dalam kajian ini mempunyai empat atau lima perkataan di sebelah kiri dan kanan kata kunci yang membentuk konteks yang dimaksudkan. Garis konkordans bagi tujuan menganalisis kedua-dua perkataan dijanakan secara berkomputer daripada

subkorpus *Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Garis konkordans membolehkan penelitian makna dalam konteks dijalankan. Pendekatan ini memudahkan penganalisisan kolokasi kata kunci *perempuan* dan *wanita*. Data kolokasi mencerminkan pola perilaku perkataan yang dikaji yang boleh digunakan untuk membincangkan prosodi semantik perkataan tersebut. Ini seterusnya akan menyumbang perbincangan tentang konotasi budaya dan leksis. Garis konkordans dan juga data analisis kolokasi bagi kedua-dua kata kunci yang dikaji, dijanakan dengan menggunakan perisian *WordSmith Tools Version 3.0* (1998).

Penggunaan Perkataan Perempuan dan Wanita

Analisis kata kunci dalam konteks berasaskan komputer yang dijalankan telah menjana dua set garis konkordans, satu bagi perkataan perempuan dan satu lagi bagi perkataan wanita. Sebanyak 745 garis konkordans dijanakan untuk perkataan perempuan dan sebanyak 4374 garis konkordans dijanakan untuk perkataan wanita daripada sumber korpus yang sama (sila lihat Lampiran untuk sampel konkordans yang dijanakan daripada korpus yang digunakan dalam kajian ini).

Jumlah garis konkordans sesuatu perkataan di dalam sesebuah korpus mencerminkan kekerapan perkataan tersebut muncul di dalam korpus tersebut. Seperti yang dijelaskan pada awal perbincangan, bukti kekerapan sesuatu kolokasi itu sendiri merupakan faktor penting yang memperlihatkan fakta tentang perilaku bahasa yang sebenarnya yang tidak mudah diperoleh secara intuisi. Dalam hal ini, fakta tentang jumlah garis konkordans bagi perkataan wanita yang hampir enam kali lebih banyak daripada garis konkordans bagi perkataan perempuan mencerminkan betapa perkataan tersebut lebih banyak digunakan dalam korpus tersebut. Ini merupakan satu bukti tentang penggunaan kedua-dua perkataan tersebut, yakni terdapat kecenderungan terhadap penggunaan perkataan wanita berbanding dengan perkataan perempuan dalam penulisan di dalam surat khabar. Kesimpulan awal yang boleh dibuat di tahap ini ialah perkataan wanita lebih popular daripada perkataan perempuan dari segi penggunaan.

Kesimpulan awal tentang kepopularan perkataan wanita merupakan sesuatu yang menarik, dan analisis yang lebih teliti terhadap kolokasi kata kunci ini perlu dilaksanakan untuk membantu menjelaskan penggunaan perkataan tersebut. Seperti yang dinyatakan, konkordans yang digunakan dalam kajian ini memerlukan empat atau lima perkataan di kedua-dua belah kata kunci atau perkataan yang dikaji bagi tujuan konteks. Bagi tujuan

analisis pula, kolokasi yang terdekat di sebelah kiri dan kanan perkataan yang dikaji sahaja yang penting. Menurut Sinclair (1991), kolokasi seperti ini memberikan analisis semantik sesuatu perkataan yang dikaji.⁶ Sehubungan dengan ini, kajian yang dilaporkan di sini mengambil kira perkataan yang merupakan kolokasi yang terdekat, yakni yang bersebelahan dengan kata kunci, sebagai data untuk menganalisis perilaku kolokasi dan prosodi makna kedua-dua perkataan.

Bagi tujuan menganalisis kolokasi bersebelahan kedua-dua perkataan, seperti yang dinyatakan di atas, program *WordSmith Tools* digunakan. Berasaskan konkordans yang sedia ada, analisis kolokasi kata kunci *perempuan* dan *wanita* dijalankan dengan mengambil kira hanya kolokasi bersebelahan kiri dan kanan kata kunci dan juga kekerapan sesuatu kolokasi itu. Sehubungan dengan ini, hanya perkataan yang berkolokasi dua kali atau lebih dengan kata kunci diambil kira dalam analisis ini. Pengiraan analisis tersebut menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 863 kolokasi bersebelahan bagi *wanita* dan 114 kolokasi bagi *perempuan* (sila lihat Lampiran bagi sampel analisis kolokasi bagi kedua-dua kata kunci).

Perkataan yang berkolokasi dengan kedua-dua kata kunci tergolong dalam pelbagai kategori golongan kata. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menyiasat prosodi semantik kedua-dua kata kunci, hanya perkataan yang dikira *content* atau *lexical* seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif sahaja digunakan. Golongan kata tugas tidak diambil kerana fokus utama kajian ini berbentuk semantik, bukan sintaksis.

Jadual 1 di bawah menyenaraikan kolokasi terdekat di sebelah kanan dan kiri perkataan perempuan dan wanita untuk membincangkan perilaku kolokasi dan prosodi semantik kedua-dua kata kunci. Sungguhpun terdapat banyak perkataan, hanya perkataan yang berkolokasi tiga kali atau lebih dengan kata kunci sahaja yang disenaraikan. Sehubungan dengan ini juga, perlu dijelaskan bahawa bukan semua perkataan dalam kelompok tersebut disenaraikan kerana bukan semuanya boleh digunakan dalam perbincangan di bawah. Oleh hal yang demikian, hanya kolokasi yang perlu dan relevan sahaja disenaraikan dalam Jadual 1 dan dirujuk dalam perbincangan di bawah.

6 Menurut Sinclair (1991), sekiranya *a* merupakan kata kunci dan *b* ialah kolokasinya, maka kolokasi tersebut dinamakan kolokasi ke bawah (*downward collocation*). Walaubagaimanapun, sekiranya *b* ialah kata kunci dan *a* pula kolokasikinya, kolokasi tersebut ialah kolokasi ke atas (*upward collocation*).

IMPAK KONOTASI BUDAYA TERHADAP LEKSIS: SATU KAJIAN SEMANTIK

Jadual 1 Kolokasi bagi perkataan wanita dan perempuan.

Kolokasi bagi wanita				Kolokasi bagi perempuan			
Kolokasi kiri	Keke-rapan	Kolokasi kanan	Keke-rapan	Kolokasi kiri	Keke-rapan	Kolokasi kanan	Keke-rapan
ahli	10	baik	7	adik	7	bertudung	3
atlet	3	berani	3	anak	8	Islam	10
banduan	10	beriman	6	bayi	3	jalanan	9
calon	3	bermasalah	4	budak	18	Melayu	7
golongan	17	berpendidikan	6	cucu	3	pelacur	3
guru	3	bijak		jantina	3	simpanan	7
jemaah	7	cantik	4	kanak-kanak	30	sulung	4
kakitangan	6	desa	8	kaum	3	sumbang-	3
kaum	40	hamil	5	menantu	3	mahram	
kecantikan	6	idaman	16	murid	8	sundal	3
kedudukan	17	Islam	11	pelajar	102	terbabit	6
kehormatan	5	jelita	164	pengantin	11		
kemajuan	4	kanak-kanak	11	raja	8		
kemampuan	4	keluarga	63	remaja	25		
kepentingan	3	luar bandar	396	saudara	4		
mahkota	3	malang	7				
majalah	5	mangsa	4				
martabat	11	mengandung	5				
pekerja	16	menopaus	12				
pelajar	21	pertama	9				
pelakon	13	profesional	27				
pelancong	4	seksi	5				
pemimpin	18	simpanan	4				
penduduk	4	solehah	3				
pengasas	2	terbabit	6				
peniaga	4	terbaik	30				
penyair	5		24				
penyanyi	5						
penyelidik	5						
pergerakan	59						
pesakit	5						
peserta	14						
remaja	25						
semangat	4						
status	9						
sumbangan	13						
tenaga	5						
tokoh	12						
tua	17						
wajah	14						
wartawan	9						
usahawan	22						

Di samping senarai kolokasi yang penting, kekerapan setiap kolokasi juga dipaparkan dalam Jadual 1. Bilangan kekerapan kolokasi memberikan maklumat tentang perilaku kolokasi kata kunci yang dikaji. Maklumat ini juga mencerminkan kecenderungan pengguna bahasa menggunakan kata kunci dengan sesuatu kolokasi. Ini penting dalam membincangkan pola perilaku dan prosodi semantik kedua-dua kata kunci. (Bagi tujuan analisis kualitatif yang dijalankan untuk menjawab persoalan penyelidikan, data analisis kolokasi yang mencerminkan kekerapan kolokasi sudah memadai. Dalam erti kata lain, analisis secara statistik yang kompleks tidak diperlukan untuk menjana data yang diperlukan untuk membincangkan isu perilaku dan prosodi semantik kata kunci yang dikaji).

Sekali imbas, Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah perkataan yang berkolokasi dengan perkataan wanita jauh lebih banyak daripada perkataan yang berkolokasi dengan perkataan perempuan. Ini tidak menghairankan memandangkan kekerapan berlakunya perkataan tersebut berbanding dengan perkataan perempuan dan juga jumlah kolokasi yang dijanakan melalui analisis kolokasi yang dijelaskan di atas. Yang lebih menarik ialah jenis perkataan yang berkolokasi dengan kata kunci yang dikaji. Perkataan dalam kategori kata nama yang berkolokasi dengan kedua-dua perkataan boleh dibahagikan kepada tiga kelompok asas, iaitu kekeluargaan, jawatan/kedudukan, dan kata nama am.

Data di atas menunjukkan perkataan yang merupakan kata nama kelompok kekeluargaan lebih kerap berkolokasi dengan perempuan. Kolokasi kiri perkataan tersebut termasuk adik, anak, cucu, menantu, saudara. Daripada kolokasi kanan pula, didapati perkataan yang memerikan hubungan peringkat usia dalam keluarga seperti sulung. Data kolokasi kiri perkataan ini juga menunjukkan kecenderungan kolokasi dengan perkataan yang bersifat neutral dari segi jantina. Dengan kata lain, *perempuan* lebih kerap daripada *wanita* berkolokasi dengan perkataan yang perlu dikhususkan gendernya seperti budak, jantina, kanak-kanak, dan pelajar dan murid. Corak berkolokasi ini tidak begitu ketara dalam kes *wanita* tetapi terdapat juga beberapa perkataan kelompok tersebut seperti golongan, kaum dan remaja yang berkolokasi dengan *wanita* dan *perempuan*.

Sungguhpun kata nama kelompok kekeluargaan lebih kerap berkolokasi dengan *perempuan*, perkataan keluarga pula sangat kerap (396 kali) berkolokasi dengan *wanita*. Didapati juga bahawa kata nama yang termasuk dalam kelompok jawatan dan kedudukan lebih banyak berkolokasi dengan *wanita*. Senarai kolokasi kiri perkataan tersebut menunjukkan kecenderungan corak berkolokasi ini. Antara perkataan yang termasuk di dalam

kelompok ini ialah atlet, guru, kakitangan, pekerja, pelakon, pelancong, peniaga, penyair, penyanyi, penyelidik, peserta, tokoh, wartawan dan usahawan. Data yang disenaraikan menunjukkan bahawa perkataan yang berunsur jawatan dan kedudukan kurang berkolokasi dengan *perempuan*. Yang terlihat daripada data yang ada ialah pengantin dan raja.

Terdapat banyak kata nama am seperti kecantikan, kedudukan, kegiatan, kehormatan, keluarga, kemampuan, mahkota, majalah, martabat, status, sumbangan, tenaga, wajah dan lain-lain yang berkolokasi dengan perkataan wanita. Daripada data yang disenaraikan dalam Jadual 1, jelas bahawa tidak terdapat perkataan kelompok ini yang berkolokasi dengan *perempuan*.

Terdapat sebilangan perkataan yang merupakan kosa kata pemerian atau adjektif yang berkolokasi dengan kedua-dua perkataan. Ini dapat dilihat daripada senarai kolokasi kanan bagi kedua-dua perkataan. Perkataan kelompok ini yang berkolokasi dengan *wanita* termasuk yang mempunyai konotasi positif seperti baik, berani, beriman, berpendidikan, bijak, cantik, idaman, Islam, solehah, terbaik, tercantik dan juga yang mungkin boleh dianggap kurang positif seperti malang, mangsa, dan simpanan. Perkataan yang berkolokasi dengan *perempuan* tidak sebanyak yang berkolokasi dengan *wanita*. Antara yang terlihat daripada Jadual 1 termasuk bertudung, bukan mahram, hamil, Islam, jalanan, pelacur, simpanan dan sundal.

Kedua-dua kata kunci berkolokasi dengan kata kerja. Yang terlihat daripada data di atas termasuk perkataan mengandung dan terbabit. Terdapat banyak lagi kata kerja yang berkolokasi dengan *perempuan* dan *wanita* seperti catat, protes, mendominasi, terjebak, ditanam dan lain-lain yang tidak disenaraikan kerana kekerapan penggunaannya kurang daripada tiga kali.

Didapati bahawa dalam kes *wanita*, berbagai-bagai jenis kata nama yang merujuk kepada orang (ahli, atlet, banduan, guru, golongan, tokoh dan sebagainya) menjadi kolokasi perkataan tersebut. Ini jelas terpapar pada data kolokasi kiri perkataan tersebut. Ada juga antara senarai perkataan tersebut yang berkolokasi dengan *perempuan*. Ini termasuk perkataan kaum, pelajar, dan murid. Walau bagaimanapun, sejumlah besar perkataan yang berkolokasi dengan *wanita* tidak berkolokasi atau kurang berkolokasi dengan *perempuan*. Walaupun terdapat pelbagai kata nama yang berkolokasi dengan perkataan tersebut, didapati bahawa jumlahnya agak terhad melainkan perkataan yang perlu ditentukan gendernya seperti budak, kanak-kanak dan pelajar.

Data di dalam Jadual 1 juga menunjukkan bahawa perkataan wanita mempunyai kolokasi kiri yang pelbagai seperti kecantikan, kedudukan,

kehormatan, kepentingan, status, wajah dan sebagainya. Kolokasi seperti ini kurang menonjol dalam kes *perempuan*. Seperti mana kolokasi kiri, perkataan ini tidak mempunyai kolokasi kanan yang luas seperti perkataan wanita.

Perbincangan

Seperti yang dinyatakan di atas, kajian yang dilaporkan di sini bertujuan menjawab dua soalan empirikal, iaitu apakah perbezaan perilaku kolokasi kedua-dua perkataan dan adakah kedua-dua perkataan mempunyai prosodi semantik yang berbeza?

Dari segi penggunaan, kekerapan penggunaan *wanita* berbanding dengan *perempuan* menunjukkan bahawa perkataan *wanita* lebih digemari dalam penulisan akhbar. Sehubungan dengan kekerapan tersebut juga, didapati bahawa *wanita* berbanding dengan *perempuan* berkolokasi secara meluas. Secara amnya, kajian ini menunjukkan bahawa *wanita* berkolokasi dengan perkataan yang kebanyakannya mempunyai makna yang positif. Salah satu maklumat yang dapat digarap daripada data kajian ini ialah kekhususan penggunaan perkataan perempuan dalam konteks hubungan kekeluargaan dan umur. Konteks ini merupakan kolokasi yang neutral yang memerlukan gender ditentukan. Satu lagi yang ketara ialah kolokasi kanan yang negatif bagi perempuan seperti jalanan, pelacur, simpanan, sumbang mahram dan sundal. Sungguhpun jumlah penggunaan perkataan perempuan hampir enam kali lebih rendah berbanding dengan wanita di dalam korpus tersebut (berdasarkan nisbah garis konkordans *perempuan* dan *wanita*, iaitu 745:4374), bilangan perkataan berkonotasi negatif yang berkolokasi dengan *perempuan* lebih banyak berbanding dengan perkataan *wanita*.

Secara amnya, perkataan wanita berkolokasi dengan perkataan yang luas jumlahnya dan majoritinya merupakan perkataan neutral atau positif kolokasinya. Manakala perkataan perempuan pula lebih banyak berkolokasi dengan perkataan yang memerlukan gender ditentukan dan dengan perkataan yang mempunyai makna negatif.

Dapatkan di atas sekali imbas mencadangkan bahawa perkataan *wanita* mempunyai prosodi semantik yang lebih positif berbanding dengan perkataan perempuan. Semenjak perkataan wanita bertapak dalam bahasa Melayu, leksis tersebut telah mewarisi reputasi yang baik. Menurut *Kamus Etimologi Bahasa Melayu* (1997:92), perkataan tersebut dipinjam daripada perkataan Sanskrit, iaitu *vanya* yang bermakna “yang diingini”. Menurut kamus tersebut juga, perkataan tersebut kemudiannya “ditujukan maksudnya

kepada ‘yang diingini oleh lelaki’” (*ibid*). Sumber lain pula mencadangkan bahawa *wanit* bermakna *perempuan* dan perkataan tersebut mula digunakan dalam karya sastera sebelum perkataan tersebut mula digunakan secara lebih luas.⁷ Pada hemat pengkaji, leksis tersebut mula menjadi pilihan dalam bahasa Melayu secara meluas di Malaysia semenjak pertengahan abad ke-20 selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Cadangan ini dibuat berdasarkan bukti arkib (Maxwell, 1927; S. Durai Raja Singam, 1949) tentang butir leksikal bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit yang menunjukkan bahawa perkataan *wanita* tidak terdapat dalam senarai yang dibincangkan oleh kedua-dua penulis pada waktu itu.

Berhubung dengan hal kemunculan perkataan wanita dalam penggunaan bahasa Melayu, Nathesan (2001:28) merujuk kepada Nik Safiah Karim (1995) yang mencadangkan bahawa hal ini terjadi akibat perubahan makna *perempuan*. Terdapat sumber yang mengatakan bahawa *perempuan* terhasil daripada apitan “per...an” pada perkataan *empu*. Perkataan tersebut, menurut *Kamus Dewan* (1997) bermakna “tuan, atau orang yang mahir (ahli) dalam sesuatu (terutama dalam membuat keris)”. Seperti yang dijelaskan oleh Nathesan, terdapat juga entri *empuan* yang bermakna *perempuan*. Daripada penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa makna asal *perempuan* tiada cacat celanya. Namun, akibat reputasi yang diwarisi melalui penggunaan, *perempuan* digantikan dengan *wanita* dalam konteks tertentu. Data kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan *wanita* lebih dominan dengan perkataan-perkataan yang berkait dengan isu sosioekonomi kini (bagi wanita di Malaysia) seperti status, kerjaya, politik, perwatakan dan ekonomi. Ini menyebabkan wanita mempunyai reputasi yang berbeza daripada *perempuan*. Perkataan *wanita* mungkin boleh dikatakan lebih formal daripada *perempuan* dari segi penggunaan.

Dari sudut perubahan makna, didapati bahawa *wanita* telah melalui proses ameliorasi, iaitu perkembangan makna yang baik atau yang disenangi disebabkan konotasi budaya. Perubahan yang berlaku dalam bahasa biasanya mengikut arus perubahan sosial. Dalam hal ini, terdapatnya kolokasi *wanita* yang tergolong dalam kumpulan seperti yang tersebut di atas mencerminkan perubahan sosial sebenarnya telah berlaku di kalangan wanita di Malaysia dari sudut ekonomi, kerjaya, politik, dan sebagainya yang lebih dinamik selama hampir lima dekad.

7 Terdapat juga sumber yang mencadangkan bahawa *wanita* berasal daripada perkataan Indonesia *wani* yang bermaksud “berani”.

Perkataan perempuan pula nampaknya lebih cenderung digunakan untuk menentukan gender bagi perkataan yang neutral gendernya. Dalam hal ini, jelas bahawa penggunaannya diperlukan kerana maknanya yang lebih atas daripada *wanita* yang biasanya merujuk kepada perempuan yang termasuk dalam lingkungan umur tertentu. Pada masa yang sama, terdapat juga perkataan yang positif konotasinya seperti raja, pengantin, Islam, Melayu yang berkolokasi dengan *perempuan*. Namun, oleh sebab terdapat perkataan yang negatif seperti *sundal* dan *jalan*, yang berkolokasi dengan *perempuan*, maka tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kecenderungan penggunaan yang pejoratif, iaitu makna atau konotasi yang kurang disenangi. Oleh sebab dalam pertuturan bahasa Melayu, perkataan-perkataan tersebut biasanya muncul seiring dengan *betina* dalam bahasa kasar, menyebabkan impak negatif terhadap *perempuan*.

Kecenderungan menggunakan sesuatu perkataan ditentukan oleh pandangan dunia yang terdapat dalam komuniti yang menggunakan perkataan tersebut. Jelas daripada kajian yang dilaporkan bahawa terdapat kecenderungan masyarakat pengguna bahasa Melayu di Malaysia lebih kerap menggunakan perkataan wanita berbanding dengan perkataan perempuan dalam penggunaan formal. Kolokasi positif yang lebih dominan dengan perkataan *wanita* menyebabkan *wanita* mempunyai prosodi semantik yang positif. Prosodi positif seperti yang terdapat pada *wanita* tidak terdapat pada *perempuan*. Walau bagaimanapun, pada hemat pengkaji, ini tidak bermakna bahawa *perempuan* mempunyai prosodi semantik yang negatif. Malah seperti yang dinyatakan di atas, *perempuan* mempunyai fungsi yang asas lagi penting dalam penggunaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kecenderungan menggunakan *wanita* dalam konteks sosial yang penting dan formal menyebabkan perkataan tersebut lebih popular daripada *perempuan*.

Sehubungan dengan ini, perlu ditimbulkan di sini bahawa cara perkataan perempuan diistilahkan di dalam kamus bahasa Melayu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997:1015), leksis *perempuan* mempunyai dua makna, iaitu “wanita, lawan kepada perkataan laki-laki” dan “isteri”. Definisi yang diberikan diterangkan dengan contoh-contoh penggunaan seperti yang berikut:

_*gatal* perempuan yg suka akan laki-laki; _*jahat* = _*jalang* pelacur;
_*joget* perempuan penari joget; _*jungkat* perempuan gatal; _*simpanan*
perempuan yg dijadikan teman utk tujuan seks tanpa ikatan perkahwinan
yg sah; _*melangkahi ular tiada lepas* prb perihal kelemahan perem-
puan, *bagai bunyi* _*di air sangat bising* (riuh-rendah)

Contoh-contoh yang diberikan tidak membantu menerangkan penggunaan makna yang diberikan. Malah didapati bahawa contoh-contoh tersebut memberikan pandangan yang negatif tentang kaum Hawa. Ini secara tidak langsung menggalakkan konotasi pejoratif diwarisi oleh perkataan tersebut.

Seperti yang ditegaskan di atas, *perempuan* mempunyai fungsi yang penting dalam penggunaan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, contoh yang sesuai perlu digunakan untuk menerangkan penggunaan sebenar perkataan tersebut dalam bahasa dan tidak seharusnya menjurus kepada contoh negatif sahaja. Ini merupakan satu isu penting yang perlu diambil berat kerana seperti yang diterangkan oleh Gee (1999:9) bahawa bahasa mempunyai *magical property*. Menurut Gee (*ibid.*), "Apabila kita bertutur atau menulis, kita mengukir apa yang mahu dikatakan untuk disesuaikan atau dimuatkan dalam situasi atau konteks komunikasi, dan pada masa yang sama, cara kita bertutur dan menulis membentuk situasi dan konteks tersebut." Dengan erti lain, proses kitaran semula jadi terdapat dalam penggunaan bahasa dan pembentukan makna, lalu pengguna bahasalah yang bertanggungjawab ke atas cara bahasa mewarisi sesuatu makna.

Sehubungan dengan huraian di atas, agak menarik jika dibandingkan penggunaan perkataan wanita dan perempuan di Malaysia dengan penggunaan kedua-dua perkataan ini di Indonesia. Reputasi kedua-dua perkataan ini berbeza di Indonesia kerana perkataan perempuan dianggap lebih tinggi martabatnya dan digunakan dalam konteks sosial yang penting, manakala *wanita* pula digunakan secara am.⁸ Kecenderungan ini disebabkan oleh perubahan sosial yang menuntut supaya *perempuan* digunakan dan dimartabatkan berdasarkan erti perkataan *perempuan* itu sendiri. Perbezaan penggunaan antara leksis *wanita* dan *perempuan* di Malaysia dan Indonesia yang dibangkitkan di atas membuktikan kebenaran dakwaan tentang jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa dengan realiti sosial masyarakat.

⁸ Perbandingan antara penggunaan kedua-dua perkataan di Malaysia dan Indonesia dicadangkan berasaskan pandangan yang diberikan kepada pengkaji dalam kertas kerja '*The delicate nuances of Wanita and Perempuan: Evidence on some points of usage*' yang dibentangkan di Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA), Universiti Sains Malaysia, pada 13 Oktober 2004. Hal ini merupakan sesuatu yang menarik yang perlu dikaji dengan lebih teliti. Pengkaji sedar akan hal ini dan akan berusaha untuk membincangkannya di dalam kertas kerja yang lain berdasarkan bukti empirikal.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua perkataan mempunyai fungsi yang berbeza dalam bahasa Melayu di Malaysia. Oleh sebab *wanita* biasanya digunakan dalam konteks formal, didapati bahawa kolokasinya cenderung tergolong dalam perkataan yang berkaitan dengan ekonomi, politik, kerjaya, perawakan, dan sebagainya. Ini secara tidak langsung menyebabkan *wanita* mewarisi konotasi budaya yang secara amnya lebih positif yang menghalang perkongsian dengan perkataan pejorasi atau mempunyai makna negatif. Manakala *perempuan* pula mempunyai fungsi yang lebih asas dan penting, yakni menentukan gender. Ini seharusnya menyebabkan *perempuan* neutral dari segi konotasi yang diwarisi. Namun, didapati bahawa konotasi neutral ini membolehkan *perempuan* digunakan dengan perkataan pejorasi, seperti yang dibincangkan di atas. Ini secara tidak langsung mendatangkan impak yang negatif ke atas perkataan *perempuan*.

Makalah ini telah berusaha menjelaskan cara perkataan *perempuan* dan *wanita* memperoleh reputasi yang berbeza akibat konotasi budaya yang terlihat dalam wacana. Kajian yang dijalankan menggunakan korpus surat khabar yang dianggap sebagai wacana formal. Ini mungkin merupakan salah satu sebab terdapatnya lebih banyak perkataan wanita digunakan berbanding dengan *perempuan*. Genre lain seperti fiksyen, buku teks, pertuturan sehari-hari, dan lain-lain boleh menjadi sumber untuk mendapatkan lebih banyak data bahasa semula jadi bagi tujuan kajian yang lebih komprehensif. Namun, dapatan kajian ini tidak boleh diketepikan kerana dapatan tersebut membayangkan sesuatu yang benar yang berlaku dalam penggunaan bahasa Melayu di Malaysia.

RUJUKAN

- Barnbrook, J., 1996. *Language and Computers*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Biber, D.; Conrad, S. & R. Reppen, 1998. *Corpus Linguistics: Investigating Language Structure and Use*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Biber, D.; Conrad, S. & G. Leech, 2002. *Longman Student Grammar of Spoken and Written English*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Carter, R., 1998. *Vocabulary: Applied Linguistic Perspectives*. London: Routledge.
- Firth, J.R., "The Techniques of Semantics" dlm. *Transactions of the Philological Society*, hlm. 36–72, 1935.
- Firth, J.R., "Modes of meaning" dlm. *Papers in Linguistics 1934–1951*. London:

- OUP, hlm.190–215, 1957.
- Gee, J.P., 1999. *An Introduction to Discourse Analysis: Theory and Method*. London: Routledge.
- Jackson, H., 1988. *Words and Their Meaning*. New York: Longman Inc.
- Jackson, H. & E. Zé Amvela, 2000, *Words, Meaning and Vocabulary: An Introduction to Modern English Lexicology*. London: Cassell.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Etimologi Bahasa Melayu*, 1997. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Leech, G. N., 1981, *Semantics 2nd Edition*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Louw, B., “Irony in the Text or Insincerity in the Writer? The Diagnostic Potential of Semantic Prosodies” dlm. M. Baker *et al.*, 1993. *Text and Technology*. Amsterdam: Benjamins, hlm.157–76, 1993.
- McEnery, T. & Wilson, A., 1996. *Corpus Linguistics*. Edinburgh University Press.
- Nathesan, S., “Unsur Jantina dalam Bahasa: Satu Tinjauan Sosiolinguistik” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34:10, hlm. 924–928, 1990.
- Nathesan, S., 2001. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, “‘Perempuan’ dan ‘Wanita’: Perspektif Sosiolinguistik” dlm. *Pelita Bahasa* 7:4, hlm. 27–28, 1995.
- Roksana Bibi Abdullah, “Unsur-unsur Seksual dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42:10, hlm. 913–921, 1998.
- Sinclair, J. McH., 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford: Oxford University Press.
- Stubbs, M., “Corpus Evidence for Norms of Lexical Collocation” dlm. G. Cook & B. Seidlhofer (ed.), 1995. *Principle & Practice in Applied Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Stubbs, M., 1996. *Text and Corpus Analysis*. Blackwell Publishers.
- Williams, R., 1983. *Keywords*. London: Fontana.
- Widdowson, H.G., “On the Limitations of Linguistics Applied” dlm. *Applied Linguistics* 1, hlm.13–25, 2000.
- WordSmith Tools Version 3.0*, 1998. Oxford: Oxford University Press.

Petikan 1 Konkordans bagi perkataan *happy/happiness* dalam teks untuk *Girl Guides* oleh Baden-Powell.

Sumber: Stubbs, 1996:86

*hat your business in life is to be
is to be happy and to make others*

*happy and to make others happy
happy. That sounds comfortable and
easy*

*You begin making other people
not worry about making yourselves*

*happy by doing good turns to them
happy, as you will very soon find out
that*

*itself; when you make other people
clean and busy they will be happy
happiness into the world by making*

*happy, it makes you happy too.
Happy children love their parents
happy homes and by being yourselves
good*

*who pass away; secondly, to bring
nt of life. By giving out love and
your own home. So guide others to*

*happiness into the world by making
happy
happiness in this way, you will gain for
happiness and you will bring happiness
to*

Petikan 2 Konkordans bagi perkataan *happy/happiness* dalam teks untuk *Boy Scouts* oleh Baden-Powell.

Sumber: Stubbs, 1996:88

*and I want each of you to have as
our turn comes to die, you can die*

*happy a life too. I believe that God put
happy in feeling that at any rate you
hav*

*'Be prepared' in this way, to live
this way, to live happy and to die
self-indulgence. One step towards
loomy one. But the real way to get
to get happiness is by giving out*

*happy and to die happy - stick to your
Sc
happy - stick to your Scout Promise
alway
happiness is to make yourself healthy
and
happiness is by giving out happiness
to o
happiness to other people. Try and
leave*

Petikan 3 Konkordans kata kunci “perempuan” daripada *Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*.

jis. Jika kain sembahyang perempuan lan saja. Sebagai pelajar perempuan h. Di tengahnya kanak-kanak perempuan ggal penculikan kanak-kanak perempuan, menjalinkan hubungan dengan perempuan n luhan hati kepada sesama perempuan ya, sebagai sekolah pelajar perempuan, elehor dikurniakan dua anak perempuan, g menghasilkan seorang anak perempuan, rgaulan bebas antara lelaki perempuan uarga terutama bagi pelajar perempuan adap tanggungannya. Seorang perempuan kukan perkara sama di bilik perempuan. tua atau muda, lelaki atau perempuan,” mah Az Zahrah untuk pelajar perempuan. aul bebas antara lelaki dan perempuan u daripada jenis lelaki dan perempuan lan bebas antara lelaki dan perempuan ib baik bagi lelaki mahupun perempuan. dup bebas antara lelaki dan perempuan li keluarganya termasuk dua perempuan belajar berbanding pelajar perempuan ng yang beriman, lelaki dan perempuan, rlu diberikan kepada jemaah perempuan. diikuti. Contohnya, pelajar perempuan kahwinan. Setiap lelaki dan perempuan iaitu 608 lelaki dan 1,164 perempuan itu sedang mengandung janin perempuan ki dan 551 pula kanak-kanak perempuan g mengorbankan seorang bayi perempuan.uk Palestin, seorang remaja perempuan pelampau itu menculik budak perempuan bahasa Belanda. “Pelajar perempuan by Azman Abdul Hamid Murid perempuan rnah melihat seorang jemaah perempuan ysia, Penggerusi Perkumpulan perempuan a ada ibu, isteri atau anak perempuan Aisyah (Fiza Elite) dan adik perempuan, g tidak diingini. Pelajar perempuan (telekung), ia janganlah te Melayu tunggal di kelasnya, berusia 12 tahun duduk di h Polly Klaas dari bilik tid lain mengupah orang menggod atau pakar yang boleh memba mereka berhadapan dengan p Khadijah dan Maimunah. T Aisyah. Berikut sifatn yang bukan muhrimnya. Skand atau anak tunggal dan sukar di rumah suaminya adalah pe Sepatutnya mereka boleh be katanya. Kajian gaya hi Semua pelajar matrikulasi yang bukan muhrim, melakuka serta Kami juga menjadikan menyebabkan berlakunya kela Di samping wajib, masa unt tanpa ikatan pernikahan dan turut mengambil bidang sama yang rajin menyebabkan mere sesetengahnya menjadi peno yang ke tanah suci tanpa ma yang melakukan kesalahan di tidak terkecuali berkahwin. Sebanyak 87 peratus dari berusia lapan bulan. Setaka “Selain itu, pasukan per sembilan bulan Israel dan t 15 tahun dan seorang anggot Islam. Ramai wanita Islam memakai tudung dan diasingk ini melihat gurunya mengaja yang tua dan uzur ditinggal Negeri Selangor dan Preside mesti menjadi role model ya Sabrina (Naida). Aniq seri juga seharusnya menyertai p

rtai program ini. Pelajar perempuan dengan 80 pesertanya adalah perempuan. Pegawai Belia dan Sukan diberikan kepada pelajar perempuan sebagai mengiktiraf pelajar perempuan sebagaimana Penaung WI Perlis, Raja perempuan Besar Tengku Budriah (dua dar. PERGERAKAN Perkumpulan perempuan (WI) yang diasaskan lebih s g lain turut resah. Seorang perempuan dengan anak kecil mengeluh gikuti jejak bondanya, Raja perempuan Besar Perlis, Tengku Hajah ut di Sekolah Menengah Raja perempuan Ipoh sebelum melanjutkan pe ga ada unsur ganas terhadap perempuan serta pembunuhan, darah dan lim Sebahagian kanak-kanak perempuan diselamatkan daripada pelac adap kanak-kanak dan remaja perempuan, tugas wanita dalam media s ya menyebabkan ramai remaja perempuan terjebak hamil. Malangnya, erkilan kerana watak Maini (perempuan mulut becek) tidak dilakonk

Petikan 4 Konkordans kata kunci “wanita” daripada *Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*.

alaupun peratusan lelaki dan wanita lebih kurang sama dalam masyarakat pelbagai kumpulan wanita serta pertubuhan bukan keraja uga menyiarangkan Ketua Wanita Gerakan, Datuk Kee Phaik Che kepentingan serta kebijakan wanita Sarawak secara keseluruhan. (NGO), khususnya pertubuhan wanita di negara ini, perlu bergabungsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO). Pembangun laysia (NCWO). Pembangunan wanita di negara ini juga jelas bel eliau menggesa agar pemimpin wanita meneliti serta memahami Pela erta memahami Pelan Tindakan Wanita dan jika perlu, mengadakan s sasa yang mencakupi limpahan wanita yang begitu ramai dan amat banyak berlaku atau kadang-kadang wanita yang sama menjadi sasaran, w u adalah pembaziran masa dan wanita yang akan menjadi sasaran. rang pemimpin untuk memimpin wanita. Pelan itu juga katanya, m rkan Nanban, Kee menjelaskan wanita sering menjadi mangsa kerana andangkan alaf baru menjamin wanita bersaing selaras dengan lela gunaan IT. “Bagaimana pun wanita memerlukan latihan teknikal. manakah kita dapat membantu wanita dalam hal ini, terutama bagi i. BH NA Feb 26, 2001 p.#01 Wanita & keluarga monopoli lelaki, ada seorang wanita berjaya menunjukkan taringnya, beliau biasa saja menjadi wanita. Mungkin lelaki menganggapnya alam bidang dikuasai lelaki, wanita perlu menunjukkan kebolehan ranya dia gagal, keseluruhan wanita akan dianggap gagal. “Apab dengan gender, tidak seperti wanita. Keadaan ini meletakkan wanita

nita. Keadaan ini meletakkan wanita dalam keadaan lebih sukar,” kata Dr. G. Pulau Pinang, Datuk Kee Phai. Kedua-duanya mengatakan wanita disarankan perlu bekerja dua bukan halangan untuk berjaya jatuh ke lembah kritikan kerana nilai-nilai positif. Menjadi wanita nurutnya, memang senang bagi wanita lembah kritikan kerana sifat wanita ghalang kejayaan. Sebaiknya, wanita ini. Malah, katanya, menjadi wanita lelaki dan saya seorang saja wanita. emang ada ‘siling kaca’ bagi wanita a saat akhir akan membiarkan wanita dirian. Justeru, tidak ramai wanita yang Kajian Antarabangsa Mengenai Wanita ak perubahan kerana bilangan wanita bandingkan lelaki. Kebolehan wanita rang selesa apabila dipimpin wanita n memberi kepercayaan kepada wanita memahami kesukaran dihadapi wanita tinggi. Olving menasihatkan wanita suatu jawatan. “Kebanyakan wanita ak menghairankan kerana cara wanita n wajar sedangkan pergerakan wanita lebih 300 pekerjaan sedangkan wanita bangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita lving tidak memandang rendah wanita pasangan terbabit. Pandangan wanita Justeru, ciri-ciri diingini wanita turut eri perhatian Volvo Car agar wanita agar wanita berpuas hati. “Wanita boleh memberi peluang wanita memberi pandangan mereka men-

dalam keadaan lebih sukar,” kata Dr. G. Pulau Pinang, Datuk Kee Phai. Kedua-duanya mengatakan wanita disarankan perlu bekerja dua bukan halangan untuk berjaya jatuh ke lembah kritikan kerana nilai-nilai positif. Menjadi wanita nurutnya, memang senang bagi wanita lembah kritikan kerana sifat wanita ghalang kejayaan. Sebaiknya, wanita ini. Malah, katanya, menjadi wanita lelaki dan saya seorang saja wanita. emang ada ‘siling kaca’ bagi wanita a saat akhir akan membiarkan wanita dirian. Justeru, tidak ramai wanita yang Kajian Antarabangsa Mengenai Wanita ak perubahan kerana bilangan wanita bandingkan lelaki. Kebolehan wanita rang selesa apabila dipimpin wanita n memberi kepercayaan kepada wanita memahami kesukaran dihadapi wanita tinggi. Olving menasihatkan wanita suatu jawatan. “Kebanyakan wanita ak menghairankan kerana cara wanita n wajar sedangkan pergerakan wanita lebih 300 pekerjaan sedangkan wanita bangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita lving tidak memandang rendah wanita pasangan terbabit. Pandangan wanita Justeru, ciri-ciri diingini wanita turut eri perhatian Volvo Car agar wanita agar wanita berpuas hati. “Wanita boleh memberi peluang wanita memberi pandangan mereka men-

Sampel analisis kolokasi perkataan bersebelahan kata kunci “perempuan”

N	WORD	TOTAL	LEFT	RIGHT	L1	*	R1
1	PEREMPUAN	1500	735	6	735	759	6
2	KANAK	31	30	1	30	0	1
3	PELAJAR	103	3	100	3	0	100
4	LELAKI	23	0	23	0	0	23
5	DAN	15	1	14	1	0	14
6	ANAK	85	3	82	3	0	82
7	ISLAM	10	0	10	0	0	10
8	KAMI	9	0	9	0	0	9
9	DENGAN	8	2	6	2	0	6
10	RAMAI	7	0	7	0	0	7
11	SIMPANAN	7	0	7	0	0	7
12	DIA	6	0	6	0	0	6
13	ITU	6	0	6	0	0	6
14	LEFTENAN	6	0	6	0	0	6
15	MENJADI	6	0	6	0	0	6
16	TIDAK	6	0	6	0	0	6
17	DI	6	0	6	0	0	6
18	KATANYA	5	0	5	0	0	5
19	LEBIH	5	0	5	0	0	5
20	MEREKA	5	0	5	0	0	5
21	SEORANG	5	0	5	0	0	5
22	EMPAT	5	0	5	0	0	5
23	BARU	4	1	3	1	0	3
24	BELIAU	4	0	4	0	0	4
25	BUKAN	4	1	3	1	0	3
26	DALAM	4	0	4	0	0	4
27	INI	4	0	4	0	0	4
28	IPT	4	0	4	0	0	4
29	BANYAK	4	0	4	0	0	4
30	KEPADA	4	0	4	0	0	4
31	LAIN	4	0	4	0	0	4
32	LIMA	4	0	4	0	0	4
33	MEMPUNYAI	4	0	4	0	0	4
34	SEGI	4	0	4	0	0	4
35	UNTUK	4	0	4	0	0	4
36	WANITA	4	0	4	0	0	4
37	AKAN	3	0	3	0	0	3
38	AKHIR	3	0	3	0	0	3

IMPAK KONOTASI BUDAYA TERHADAP LEKSIS: SATU KAJIAN SEMANTIK

N	WORD	TOTAL	LEFT	RIGHT	L1	*	R1
39	APEK	3	0	3	0	0	3
40	ATAU	3	0	3	0	0	3
41	BEGITU	3	0	3	0	0	3
42	DARIPADA	3	0	3	0	0	3
43	DUA	3	0	3	0	0	3
44	HANYA	3	0	3	0	0	3
45	IA	3	0	3	0	0	3
46	KAMU	3	0	3	0	0	3
47	KAUM	3	0	3	0	0	3
48	MALAYSIA	3	0	3	0	0	3
49	MATI	3	0	3	0	0	3
50	BAYI	3	3	0	3	0	0
51	BAIK	2	0	2	0	0	2
52	BEBAS	2	0	2	0	0	2
53	BERZINA	2	0	2	0	0	2
54	BESAR	2	0	2	0	0	2
55	CANTIK	2	0	2	0	0	2
56	DIHARAMKAN	2	0	2	0	0	2
57	DIROGOL	2	0	2	0	0	2
58	HAL	2	0	2	0	0	2

Sampel analisis kolokasi perkataan bersebelahan kata kunci “wanita”

N	WORD	TOTAL	LEFT	RIGHT	L1	*	R1
1	WANITA	4586	25	28	25	4533	28
2	KELUARGA	397	1	396	1	0	396
3	P	310	310	0	310	0	0
4	DAN	209	137	72	137	0	72
5	SEORANG	185	177	8	177	0	8
6	YANG	137	0	137	0	0	137
7	KEPADA	106	104	2	104	0	2
8	PEMBANGUNAN	101	83	18	83	0	18
9	BAGI	88	80	8	80	0	8
10	UNTUK	86	71	15	71	0	15
11	TIDAK	77	1	76	1	0	76
12	ITU	70	28	42	28	0	42
13	KANAK	70	7	63	7	0	63
14	DI	67	0	67	0	0	67
15	PERTUBUHAN	66	63	3	63	0	3

N	WORD	TOTAL	LEFT	RIGHT	L1	*	R1
16	RAMAI	65	55	10	55	0	10
17	PERGERAKAN	63	59	4	59	0	4
18	INI	61	18	43	18	0	43
19	TERHADAP	61	60	1	60	0	1
20	DENGAN	59	39	20	39	0	20
21	LELAKI	58	9	49	9	0	49
22	DALAM	57	3	54	3	0	54
23	HARI	55	45	10	45	0	10
24	KETUA	47	44	3	44	0	3
25	EHWAL	44	44	0	44	0	0
26	NEGARA	44	1	43	1	0	43
27	OLEH	44	32	12	32	0	12
28	MENJADI	43	12	31	12	0	31
29	KAUM	42	41	1	41	0	1
30	ADALAH	41	27	14	27	0	14
31	ADA	37	23	14	23	0	14
32	JUGA	37	9	28	9	0	28
33	HAK	36	26	10	26	0	10
34	KEBANYAKAN	36	33	3	33	0	3
35	SEBAGAI	36	21	15	21	0	15
36	BERKATA	35	23	12	23	0	12
37	DUA	35	30	5	30	0	5
38	TERUTAMA	35	31	4	31	0	4
39	WADAH	35	35	0	35	0	0
40	ATAU	33	23	10	23	0	10
41	MEREKA	30	2	28	2	0	28
42	PERLU	29	1	28	1	0	28
43	SETIAP	29	18	11	18	0	11
44	PERANAN	27	23	4	23	0	4
45	KALANGAN	26	26	0	26	0	0
46	KATANYA	25	11	14	11	0	14
47	MALAYSIA	25	4	21	4	0	21
48	PEMIMPIN	25	18	7	18	0	7
49	PADA	24	9	15	9	0	15
50	PEMUDA	24	10	14	10	0	14
51	BOLEH	23	0	23	0	0	23
52	NEGERI	23	0	23	0	0	23
53	SESEORANG	23	23	0	23	0	0
54	KERANA	22	14	8	14	0	8
55	PELAJAR	22	21	1	21	0	1

IMPAK KONOTASI BUDAYA TERHADAP LEKSIS: SATU KAJIAN SEMANTIK

N	WORD	TOTAL	LEFT	RIGHT	L1	*	R1
56	SEMUA	22	20	2	20	0	2
57	TIGA	22	16	6	16	0	6
58	USAHAWAN	22	22	0	22	0	0